

30/09/2002

MBM mahu program pembangunan dilakukan dengan sempurna

Khairul Anwar Rahmat

MAJLIS Belia Malaysia (MBM) berharap pelaksanaan program pembangunan belia diselia dan dilakukan dengan sempurna supaya setiap ringgit yang dibelanjakan mendapat manfaat sepenuhnya.

Naib Presiden MBM, Shamsul Anuar Nasarah, berkata MBM mahu agensi pelaksana dasar kerajaan menyempurnakan tanggungjawab dengan baik supaya kerajaan tidak dipersalahkan kemudian hari.

Beliau berkata, Bajet 2003 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memperlihatkan kesungguhan kerajaan membantu setiap masyarakat, termasuk golongan muda.

Katanya, perkara paling menarik dalam bajet kali ini ialah perhatian utama yang diberikan kepada bidang pendidikan.

"Bidang pendidikan merangkumi 27 peratus daripada keseluruhan bajet yang dibentangkan.

"MBM amat berterima kasih di atas keprihatinan kerajaan kerana rakyat yang berilmu dapat memastikan negara terus maju pada masa depan," katanya.

Shamsul Anuar berkata, MBM yakin niat utama kerajaan adalah untuk melahirkan rakyat yang benar-benar berkemahiran, berilmu, berdisiplin dan berdaya saing.

Sebab itu, katanya, bidang pendidikan menerima peruntukan besar pada bajet kali ini.

Selain itu, beliau berharap belia negara ini menyediakan diri dengan kemahiran dan penguasaan berkaitan teknologi komunikasi maklumat (ICT).

Katanya, penekanan yang diberikan kerajaan dalam aplikasi ICT serta penguasaan sains dan matematik menuntut generasi muda lebih gigih dan tekun menuntut ilmu.

"MBM berpendapat, perubahan paradigma belia sangat diperlukan ketika negara sedang memacu pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan.

"Perubahan ini cukup penting bagi kita bersaing bukan saja dalam negara tetapi di peringkat antarabangsa.

"Keperluan ini adalah lebih mendesak apabila konsep Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) akan dilaksanakan tidak lama lagi" katanya.

Justeru, katanya, belia tidak boleh berpeluk tubuh dan menanti cabaran mendatang tanpa persediaan mencukupi.

Katanya, kerajaan mewujudkan pelbagai skim pinjaman untuk meningkatkan mutu pendidikan rakyat.

"Dengan adanya pinjaman pendidikan di semua institusi kewangan, MBM percaya ia mampu meningkatkan lagi mutu pendidikan dan penguasaan ilmu di kalangan rakyat.

"Secara tidak langsung, ia menyediakan golongan muda yang berilmu dan bersedia untuk bersaing menghadapi cabaran lebih besar pada masa depan," katanya.

Shamsul Anuar berkata, MBM percaya pendidikan perlu bermula dari peringkat prasekolah, sekolah rendah dan menengah.

Justeru, katanya, kerajaan perlu menggandakan perbelanjaan bagi kemudahan prasarana berkualiti di setiap sekolah, terutama di sekolah luar bandar.

Beliau berkata, kerajaan sudah melakukan satu langkah ke depan dengan mengumumkan pemberian baucar khas kepada pelajar dari keluarga berpendapatan rendah mendapatkan kelas tambahan.

Langkah itu, katanya, perlu disambut dengan kesyukuran dan semangat mempertingkatkan ilmu di kalangan pelajar luar bandar.

Dalam pada itu, beliau berharap pembinaan sekolah wawasan, sekolah bestari dan sekolah integrasi mendapat sokongan semua pihak tanpa sebarang perasaan prejudis dan buruk sangka.